

HRD CORP TUBUH PUSAT LATIHAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI PERTAMA DI MALAYSIA

Ditubuhkan untuk memperkasa aktiviti pembangunan sosioekonomi komuniti terutamanya Orang Asli menerusi program-program peningkatan kemahiran.

Tapah, 16 Oktober 2022 – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) telah menubuhkan Pusat Latihan dan Pembangunan Komuniti yang pertama di Tapah, Perak. Pusat ini bertujuan untuk menyokong komuniti setempat melalui pelbagai inisiatif pembelajaran dan pembangunan sosioekonomi.

Ini termasuk program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula merentasi pelbagai bidang yang menjurus kepada meningkatkan kebolehpasaran ahli komuniti.

Di majlis yang sama, HRD Corp turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Persatuan Perusahaan Kecil Sederhana Malaysia untuk membangunkan program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula dalam Teknologi Perladangan Pintar untuk masyarakat Orang Asli.

Berucap pada majlis pelancaran itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan berkata, penubuhan Pusat Latihan dan Pembangunan Komuniti di Tapah ini merupakan satu lagi usaha kerajaan untuk memperkasakan masyarakat tempatan di samping meningkatkan tahap usaha pembangunan modal insan Malaysia.

"Kementerian Sumber Manusia dan HRD Corp telah memperkenalkan banyak program untuk menyokong komuniti di Tapah sejak dua tahun lepas dan kami berbangga untuk memperkukuh usaha kami melalui Pusat Latihan dan Pembangunan Komuniti ini. Saya percaya bahawa tiada siapa yang harus ketinggalan dalam matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju.

"Dengan menyokong komuniti tempatan di Tapah untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui latihan, pekerjaan dan peluang menjana pendapatan, kita akan memastikan mereka juga boleh menjadi ahli masyarakat yang produktif yang boleh menyumbang kepada pembinaan negara," katanya di sini hari ini.

Dalam pada itu, pusat latihan berkenaan juga akan menjadi medium bagi membantu ahli masyarakat membuat persediaan untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi, institusi Bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan sebagainya.

Dikendalikan oleh 10 kakitangan HRD Corp yang terdiri daripada warga tempatan dari pelbagai suku kaum Orang Asli, pusat latihan itu juga akan menumpukan pada peningkatan taraf hidup masyarakat melalui penyelidikan dan analisis pengenalan jurang kemahiran serta keperluan. Penemuan daripada kajian itu akan digunakan untuk melancarkan program berasaskan keperluan yang berdaya maju dan mampan.

Bertempat di Pusat Perniagaan Akasia 2, Tapah, Perak, Pusat Latihan dan Pembangunan Komuniti ini akan mula beroperasi pada 1 November 2022. Mereka yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perkhidmatan yang ditawarkan boleh melayari www.hrdcorp.gov.my.

-TAMAT-

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – www.hrdcorp.gov.my.